


SEKOLAH
Pertanian
yang dibuka
pada 1931.



TUN Abdul Razak (kanan) di majlis pembukaan rasmi bangunan tambahan Kolej Pertanian Malaysia pada 31 Mac 1969.



UPM bermula dengan Sekolah Pertanian

Oleh Syuhada Choo Abdullah

SELEPAS 70 tahun mengharungi cabaran, Universiti Putra Malaysia (UPM) semakin gah sebagai salah sebuah universiti terbesar di negara ini dengan matlamat menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) yang unggul hingga ke peringkat antarabangsa.

Sejarah UPM bermula seawal 21 Mei 1931 yang menyaksikan penubuhan sebuah institusi pendidikan yang memberi tumpuan dan penekanan kepada pengajian dalam bidang pertanian di Tanah Melayu.

John Scott, Pegawai Pentadbir Kerajaan Negeri-Negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi 'Ex-Officio' Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada ketika itu bertanggungjawab mengasaskan pembukaan Sekolah Pertanian di kawasan seluas 8.8 hektar di Serdang, Selangor. Tujuannya ialah menyediakan pegawai untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di Jabatan Pertanian.

Sebagai permulaan, hanya dua jenis program ditawarkan, iaitu pengajian diploma selama tiga tahun dan kursus sijil selama setahun. Selepas menyediakan peluang pendidikan selama 10 tahun, sekolah itu berjaya melahirkan 155 peme-gang diploma dan 166 lulusan sijil.

Menyadari kepentingan peranan dan kemampuan sekolah berkenaan, Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent, mengambil keputusan untuk mengisytiharkannya sebagai Kolej Pertanian Malaysia pada 23 Jun 1942.

Kecemerlangan kolej itu kian mendapat perhatian sehingga pada 1948, timbul cadangan menaikkan tarafnya kepada universiti. Bagaimanapun, hasrat itu tertentangh berikutan melutusnya darurat pada pertengahan tahun berkenaan.


Bagaimanapun apabila Fakulti Pertanian Universiti Malaya (UM) ditubuhkan pada 1960, Majlis Kolej Pertanian Malaya diluluskan sebagai satu pihak berkuasa universiti berkenaan (yang ketika itu terletak di Singapura) pada 1 Januari 1962.

Pembangunan bidang pertanian semakin maju dan merupakan antara tunjang ekonomi tanah air sekali gus menyerlahkan lagi

"...memandangkan permintaan yang mendesak dalam sektor pertanian untuk tenaga kerja terlatih, terutama di peringkat atas dan pertengahan, saya rasa telah tiba masanya bagi kita menggunakan sepenuhnya kemudahan yang wujud di kolej ini. Kita mestilah meningkatkan beberapa kursus di kolej ini sehingga ke peringkat ijazah. Kolej ini seharusnya mengendalikan program dua peringkat yang membolehkan pelajar mengikuti program, sama ada di peringkat ijazah atau diploma, dan langkah akan diambil bagi membolehkan kolej ini berusaha ke arah mewujudkan kursus ijazah dalam bidang sains pertanian dan lain-lain bidang yang berkenaan..."

Petikan ucapan Tun Abdul Razak di majlis pembukaan rasmi bangunan tambahan Kolej Pertanian Malaysia yang membawa kepada penubuhan Universiti Pertanian Malaysia

KELUARAN KHAS



kepentingan memperkembangkan Kolej Pertanian Malaysia. Justeru di bawah Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970), kolej berkenaan menerima peruntukan sebanyak RM7.9 juta untuk melaksanakan pembangunan.

Peruntukan itu diguna untuk mempertingkatkan pengambilan pelajar, membina dewan kuliah dan makmal sains, mendapatkan lebih banyak kawasan bagi perkembangan kolej, serta menambah bilangan pegawainya.

Peluang merealisasikan hasrat mewujudkan sebuah universiti pertanian yang menawarkan program pengajian pada peringkat ijazah kian cerah apabila penubuhannya dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein, pada 31 Mac 1969 di majlis perasmian bangunan tambahan Kolej Pertanian Malaysia di Serdang.

Akhirnya, impian 'emas' itu menjadi kenyataan pada 4 Oktober 1971 dan penubuhan Universiti Pertanian Malaysia diiktikankan sebagai satu Perintah Perbadanan yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

disiarkan menerusi Warta Kerajaan P.U. (A) 387 bertarikh 29 Oktober 1971.

Penubuhan universiti berkenaan dibuat berasaskan gabungan Kolej Pertanian Malaya dengan Fakulti Pertanian UM, dan Dr Mohd Rashdan Baba (ketika itu) diberi penghormatan sebagai Naib Canselor pertama menerusi peruntukan perintah di bawah Seksyen 18 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang disiarkan dalam Warta Kerajaan Jilid 15 Bil 22 dikeluarkan pada 4 November 1971 dalam P.U. (A) 407. Dr Mohd Rashdan adalah Pengetua Kolej Pertanian Malaya dari 1965 sehingga 1969.

Pada 1 Januari 1972, Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Ternakan serta Fakulti Perhutanan ditubuhkan, diikuti penubuhan Fakulti Pertanian pada Disember tahun yang sama.

Seterusnya pada 15 Jun 1973, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenaan menjadi Canselor pertama Universiti Pertanian Malaysia, manakala Tun Datu Mustapha Datu Harun dan Datuk Ong Kee Hui pula dilantik sebagai Pro Canselor. Tanggal 23 Julai 1973, Universiti

Pertanian Malaysia memulakan sesi akademiknya yang pertama dengan tiga fakulti asas, iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan serta Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Ternakan di samping satu bahagian Sains Asas, bersama 1,559 pelajar.

Mereka mengikuti program pengajian Bachelor Sains Pertanian, Bachelor Sains Perhutanan, Doktor Perubatan Veterinar, Diploma Pertanian, Diploma Teknologi Rumah tangga, Diploma Sains Ternakan, Diploma Sains dengan Pendidikan, serta Program Pendahuluan.

Majlis Konvokesyen Pertama Universiti Putra Malaysia berlangsung dengan penuh istiadat pada 30 Julai 1977.

Bagaimanapun, penawaran program akademik universiti berkenaan tidak terbatas setakat itu saja. Sejak tahun permulaan lagi, Universiti Pertanian Malaysia tidak jemu mengambil inisiatif serta berusaha mempertingkatkan aliran pengajian sains.

Universiti itu beroperasi dengan berpadukan kepada tiga kegiatan utama, iaitu pengajaran, penyelidikan dan pengembangan, sebagai

dasar sumpahannya kepada masyarakat. Pegangan falsafahnya ialah 'ilmu untuk berakhlak'.

Ini bertepatan dengan misinya untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan unggul dan unggul yang memberi sumbangan bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu tetapi juga pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

Ilmuaninya ialah cemerlang dalam pendidikan bagi melahirkan individu pemikir yang berilmu, kreatif, berdisiplin serta dapat menyesuaikan diri dalam semua keadaan di samping berkhidmat kepada masyarakat dan negara.

Universiti Pertanian Malaysia mengalami satu lagi titik perubahan bersejarah yang besar apabila disyitihar dengan nama baru, Universiti Putra Malaysia (UPM), pada 3 April 1997 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengisytiharan nama baru itu ternyata selaras dengan pencapaian gemilang serta pembaharuan bersungguh-sungguh UPM dalam bidang sains dan teknologi.



HUBUNGAN erat terjalin sesama bekas Naib Canselor UPM (dari kiri) Dr Syed Jalaluddin, Dr Mohd Rashdan dan Dr Nanyin